

PM bercuti sembilan hari

PUTRAJAYA 6 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan bercuti mulai esok hingga 15 Jun, demikian menurut kenyataan Unit Komunikasi, Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Menurut kenyataan itu, semasa percutiannya, Perdana Menteri akan ke San Francisco untuk melawat ekspo yang dianjurkan sempena konvensyen tahunan antarabangsa bagi Pertubuhan Bioteknologi Industri (BIO 2004) pada 8 Jun.

Konvensyen itu merupakan perhimpunan terbesar pakar-pakar dalam bidang bioteknologi dari serata dunia.

Lebih daripada 1,000 syarikat bioteknologi, institusi akademik, pusat bioteknologi dan pertubuhan lain yang berkaitan dari seluruh Amerika Syarikat serta 33 negara lain akan mengambil bahagian, menurut kenyataan itu. — Bernama